

**Bisnes**

## GAGS sasar 70 peratus pelabur awam

**Kuala Lumpur: Golden Agro Plantation (Mukah) Bhd, penyedia skim pelaburan perladangan, Golden Agro Growers Scheme (GAGS) menyasarkan 70 peratus daripada 4,228 hektar projek disertai pelabur awam di Mukah, Sarawak menjelang 2016.**

GAGS terbahagi kepada tiga fasa bagi keseluruhan keluasan projek pelaburan dengan fasa pertama, 1,475.47 hektar; kedua, 1,624.30 hektar dan ketiga, 1,128.23 hektar.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Allan Lim Kim berkata, GAGS memfokuskan kepada tanaman kelapa sawit yang mana bagi fasa pertama ia sudah disiapkan sepenuhnya dan fasa kedua masih di peringkat pembangunan yang dijangka siap akhir tahun ini.

Beliau berkata, skim pelaburan itu mendapat kelulusan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang memperuntukkan 41,772 petak dengan 70 peratus atau 29,240 petak disertai pelabur awam dan selebihnya dipegang oleh pihak pengurusan.

“Pelabur boleh menikmati hasil pertumbuhan industri kelapa sawit yang menguntungkan dengan membeli petak GAGS bermula dengan harga RM8,000 bagi setiap suku petak.

“Pelabur dijamin dengan keuntungan bersih tujuh peratus setahun sehingga 2017 dan kemudian menikmati 100 peratus keuntungan bersih sehingga tempoh matang skim ini pada 2023,” katanya.

**Artikel ini disiarkan pada : 2014/05/21**